

08/03/1999

PBS mahu teruskan hubungan positif

PENAMPANG, Ahad - Parti Bersatu Sabah (PBS) berpendapat hubungan positif antara Kerajaan Persekutuan dan negeri perlu diteruskan jika parti itu memenangi pilihan raya negeri minggu depan.

Presidennya, Datuk Pairin Kitingan, berkata tanpa kerjasama itu, rakyat Sabah melihat seolah-olah Kerajaan Pusat ingin menghukum mereka.

"Saya tidak nampak kenapa Kerajaan Persekutuan menolak kerjasama dengan kerajaan Sabah sekiranya PBS menang," katanya selepas menyambut hari ulang tahun ke-14 penubuhan parti itu di sini, malam tadi.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Barisan Nasional (BN) tidak akan bekerjasama dengan PBS dan Bersekutu walaupun parti pembangkang itu menang dalam pilihan raya kali ini.

Menurut Perdana Menteri, BN tidak boleh bekerjasama dengan PBS yang sudah diketahui pernah `menikam dari belakang' dengan bertindak keluar dari BN ketika menghadapi pilihan raya umum 1990.

Pairin berkata, PBS percaya kenyataan Perdana Menteri itu hanya helah politik semata-mata.

"Kalau kita semua pemimpin bertanggungjawab, mesti ada hubungan yang positif antara Kerajaan Pusat-Negeri. Jika tidak, rakyat Sabah juga akan menganggap Pusat bersikap tidak adil, tidak demokratik dan bertentangan dengan Perlembagaan," katanya.

Beliau juga berkata, parti itu akan tetap meneruskan usaha mempertahankan hak rakyat dan negeri dalam perjuangan politiknya.

(END)